

Sazali terharu terima bantuan PM

Anak P Ramlee bawa isteri jumpa doktor mulakan prosedur pembedahan tulang belakang

Oleh Affan Rostam
affan.rostam@bh.com.my

Tiada yang lebih melegakan anak Seniman Agung, Allahyarham Tan Sri P Ramlee, iaitu Sazali, 64, sebaik menerima sumbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi membiayai kos pembedahan isteri, Hamidah Hitam, 61, yang menghadapi masalah tulang belakang dan saraf leher, baru-baru ini.

Sazali memberitahu, sumbangan Anwar membolehkan mereka mengatur janji temu dengan doktor pakar di Hospital Canselor Tuan-

ku Muhriz UKM (HCTM) Cheras, Isnin ini bagi mendapatkan nasihat berhubung pembedahan.

“Sudah tentu saya rasa terharu dan gembira sebab isteri saya perlukan bantuan kewangan untuk menjalani pembedahan.

“Jadi, kami akan berjumpa dengan doktor pakar, Isnin ini bagi mendapatkan nasihat dan rawatan awal sebelum diberi tarikh pembedahan.

“Tarikh itu akan diputuskan doktor pakar selepas kami berjumpa dengannya. Tetapi, kalau boleh, saya mahu pembedahan itu dipercepatkan,” katanya kepada *HIP*.

Baru-baru ini, Sazali dilaporkan memohon bantuan kewangan berikutan isterinya perlu menjalani pembedahan masalah tulang belakang dan saraf leher, dengan segera.

Malah, Sazali dilaporkan mahu bertemu Anwar bagi meminta bantuan selain berbincang mengenai isu lanjutan agihan royalti arwah bapanya yang berakhir pada 29 Mei lalu.

Sazali yang tidak lagi bekerja, mendakwa mengalami masalah kesihatan dan hanya ber-



Ahmad Farhan ketika hadir menyerahkan sumbangan kepada Sazali dan isterinya, Hamidah Hitam.

(Foto ihsan Facebook Datuk Seri Anwar Ibrahim)

gantung kepada agihan royalti Allahyarham P Ramlee untuk menampung hidup.

Tambah Sazali, bayaran royalti terakhir yang diterima daripada Badan Perlindungan Hak Cipta Muzik Berhad (MACP) pada 31 Julai lalu, sebanyak RM9,000 dan tidak mencukupi untuk membiayai kos pembedahan isteri yang dianggarkan RM14,000.

I Tampung kos pengangkutan I

Rayuan Sazali mendapat perhatian apabila pada 1 September lalu, Setiausaha Politik Perdana Menteri, Ahmad Farhan Fauzi bertandang ke kediaman Sazali di Semenyih bagi menghulurkan sumbangan peribadi Anwar.

Perdana Menteri turut berkongsi kunjungan Ahmad Farhan dalam hantaran Facebook (FB) dan menyatakan keprihatinan serta simpati terhadap nasib menimpa Sazali dan isteri.

Sazali berkata, sumbangan di-

terima daripada Perdana Menteri dapat menampung perbelanjaan harian dan kos pengangkutan ke hospital disebabkan tidak memiliki kenderaan sendiri.

“Apabila dapat sumbangan Perdana Menteri, sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban kami. Saya dan isteri memang susah. Kami tidak boleh bekerja dan berada dalam kategori orang kurang upaya (OKU).

“Setakat ini, pendapatan daripada sumber lain memang sedikit dan tidak cukup. Saya amat berterima kasih dengan sumbangan Perdana Menteri ini,” katanya.

Sazali dikategorikan sebagai OKU selepas terbabat kemalangan dan mengalami kecederaan teruk di kaki sehingga tidak boleh bekerja sejak 2015.

Sejak tahun lalu, Sazali merayu agar agihan royalti bagi karya Allahyarham P Ramlee yang berakhir 29 Mei lalu, iaitu selepas genap 50 tahun pemer-

giannya, dilanjutkan.

P Ramlee menghembuskan nafas terakhir akibat sakit jantung pada 29 Mei 1973, meninggalkan peminatnya dengan legasi tidak ternilai melalui karya seni filem dan lagu merentas zaman.

Sepanjang tempoh itu, mengikut Akta Hak Cipta 1987, royalti daripada karya lagu P Ramlee diagihkan kepada waris iaitu isterinya, Allahyarham Puan Sri Saloma sehingga Biduanita Negara itu meninggal dunia pada 25 April 1983.

Royalti kemudian diagihkan kepada anak mereka, Allahyarham Nasir P Ramlee yang sepakat membahagikan perolehan diterima kepada beberapa waris lain.

Apabila Nasir meninggal dunia pada 23 November 2008, kontrak royalti yang diuruskan MACP sebagai badan pengutip royalti berdaftar itu diteruskan kepada waris lain, termasuk Sazali.